

Kertas Bil. 33/2016

**LAPORAN JAWATANKUASA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

***“ Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor”***

JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR

1. Menurut Peraturan 69(3), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbaung dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan pernyata kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas yang lalu telah dibawakan suatu Usul cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor melalui Kertas Mesyuarat Bil. 18/2016. Usul tersebut telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 1 Ogos 2016 dan Dewan telah menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipinda itu kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap seperti di Lampiran A Kertas Mesyuarat Bil. 18/2016 tersebut untuk diperhalusi sebelum dipertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan.
3. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor selaras dengan amanah yang diberikan oleh Dewan telah mengadakan mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti kesemua cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor seperti yang diserahkan kepadanya pada 1 Ogos 2016 yang lalu. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran A** dan cadangan pindaan yang dinyatakan di **Perenggan 2** adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mendapatkan pindaan yang dicadangkan melibatkan Peraturan-Peraturan berikut:
 - (a) Peraturan 13(1)
 - (b) Peraturan 14A
 - (c) Peraturan 70(3)
5. Ulasan dan syor Jawatankuasa berhubung cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap 13(1) dan 14A Dewan Negeri Selangor seperti di **Lampiran B** dan menurut Peraturan 69(3) dan 69(4), Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap mengesyorkan cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ini diluluskan mengikut ulasan dan syor Jawatankuasa seperti di **Lampiran B**.
6. Dengan ini, Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan seterusnya dipertimbangkan syor sepetimana yang terdapat di dalam Laporan dan seterusnya untuk diterima pakai.
7. Cadangan pindaan Peraturan Tetap berkenaan pindaan Peraturan Tetap 70(3) masih sedang dipertimbangkan, dikaji dan diperhalusi.



.....
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN

Pengerusi
Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor.

28 September 2016

Lampiran A

**SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Tuan Speaker,
Dewan Negeri Selangor
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Lee Kee Hiong
(ADN Kawasan Kuala Kubu Bharu) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
(ADN Kawasan Paya Jaras) | Ahli |
| 5. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Tan Pok Shyong
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 7. | Y.B. Datuk Rosni binti Sahar
(ADN Kawasan Hulu Bernam) | Ahli |

ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(a)	<u>Aturan urusan mesyuarat</u> 13.(1) Urusan bagi setiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan seperti di bawah ini kecuali jika Speaker, setelah dimaklumkan oleh Menteri Besar mengenai perubahan aturan yang perlu dibuat, menetapkan aturan yang lain: (a) Speaker masuk ke dalam Dewan secara rasmi; (b) Membaca doa; (c) Ahli-ahli baru mengangkat sumpah; (d) Titah daripada Duli yang Maha Mulia; (e) Pemasyhuran daripada Speaker;	<u>Aturan urusan mesyuarat</u> 13.(1) Urusan bagi setiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan seperti di bawah ini kecuali jika Speaker, setelah dimaklumkan oleh Menteri Besar mengenai perubahan aturan yang perlu dibuat, menetapkan aturan yang lain: (a) Speaker masuk ke dalam Dewan secara rasmi; (b) Membaca doa; (c) Ahli-ahli baru mengangkat sumpah; (d) Titah daripada Duli yang Maha Mulia; (e) Pemasyhuran daripada Speaker;	Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	Peraturan baru ini membolehkan ucapan Ketua Pembangkang disertakan dalam kandungan aturan urusan mesyuarat Peraturan Tetap. Ucapan Ketua Pembangkang diwajibkan bagi penggal yang seterusnya, selaras dengan dasar keterbukaan dan amalan demokrasi yang sihat dan tidak lagi bergantung kepada kelulusan dan persetujuan Speaker.

	<p>(f) Rayuan;</p> <p>(g) Pertanyaan kepada Menteri Besar;</p> <p>(h) Permintaan hendak menangguhkan Dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan;</p> <p>(i) Penerangan daripada Menteri Besar;</p> <p>(j) Ucapan pujian;</p> <p>(k) Ucapan-ucapan takziah;</p> <p>(l) Memberi penerangan sendiri;</p> <p>(m) Membawa Rang Undang-undang Kerajaan ke dalam Mesyuarat;</p> <p>(n) Usul berkenaan Aturan Urusan Mesyuarat (hendaklah dikeluarkan oleh Menteri Besar);</p> <p>(o) Usul hendak mengemukakan Rang Undang-undang; dan</p> <p>(p) Urusan am.</p>	<p>(f) Rayuan;</p> <p>(g) Pertanyaan kepada Menteri Besar;</p> <p>(h) Permintaan hendak menangguhkan Dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan;</p> <p>(i) Penerangan daripada Menteri Besar;</p> <p>(j) Ucapan pujian;</p> <p>(k) Ucapan-ucapan takziah;</p> <p>(l) Memberi penerangan sendiri;</p> <p>(m) Membawa Rang Undang-undang Kerajaan ke dalam Mesyuarat;</p> <p>(n) Usul berkenaan Aturan Urusan Mesyuarat (hendaklah dikeluarkan oleh Menteri Besar);</p> <p>(o) Usul hendak mengemukakan Rang Undang-undang;</p> <p>(p) Urusan am; dan</p> <p>(q) Ucapan Ketua Pembangkang.</p>		
--	--	--	--	--

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(b)	Peraturan Baru Tetap	<p>Cadangan Peraturan Tetap 14A adalah seperti berikut:</p> <p><u>Ucapan Ketua Pembangkang</u></p> <p>(1) Ketua Pembangkang boleh pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Tetap 13, berdiri di tempatnya dan memberikan ucapan beliau kepada Dewan mengikut teks ucapan yang telah dihantar terlebih dahulu kepada Speaker tidak kurang daripada dua hari sebelum persidangan mesyuarat yang hendak dikeluarkan perkara itu. Teks ucapan itu tidak boleh</p>	<p>Jawatankuasa bersetuju dengan Cadangan Pindaan Asal tetapi ingin menambah jumlah perkataan teks ucapan di dalam cadangan Peraturan Tetap 14A(1) dan meminda syarat masa menjawab oleh Menteri Besar di dalam cadangan Peraturan Tetap 14A(2) seperti berikut:</p> <p><u>Ucapan Ketua Pembangkang</u></p> <p>(1) Ketua Pembangkang boleh pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Tetap 13, berdiri di tempatnya dan memberikan ucapan beliau kepada Dewan mengikut teks ucapan yang telah dihantar terlebih dahulu kepada Speaker tidak kurang daripada dua hari sebelum persidangan mesyuarat yang hendak dikeluarkan perkara itu. Teks ucapan itu tidak boleh</p>	<p>Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan ini adalah perlu supaya Ketua Pembangkang diberikan ruang yang secukupnya untuk membangkitkan isu yang tidak sempat disentuh dalam sesuatu sidang itu dan Menteri Besar turut diberikan ruang yang secukupnya untuk menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Selain itu, Ketua Pembangkang juga turut diberi peluang untuk mengutarakan sesuatu perkara terus kepada Menteri Besar. Pindaan ini adalah perlu supaya jawatan dan hak Ketua Pembangkang terus diiktiraf sebagai satu fungsi yang sangat penting dalam sebuah negeri yang mengamalkan prinsip demokrasi.</p>

		<p>melebihi satu ribu perkataan dan hendaklah berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungjawab Menteri Besar dan perkara itu belum dibincangkan dalam mesyuarat yang sama dan Menteri Besar bolehlah menjawabnya.</p> <p>(2) Menteri Besar hendaklah dalam masa 30 minit seterusnya memberikan jawapan dan/atau maklum balas kepada ucapan Ketua Pembangkang tersebut secara lisan dan hanya Ketua Pembangkang boleh bangun untuk mendapatkan penjelasan (jika ada).</p> <p>(3) Setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut perenggan (2), usul menangguhkan Dewan akan dikeluarkan.</p>	<p>melebihi satu ribu perkataan dua ribu patah perkataan dan hendaklah berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungjawab Menteri Besar dan perkara itu belum dibincangkan dalam mesyuarat yang sama dan Menteri Besar bolehlah menjawabnya.</p> <p>(2) Menteri Besar hendaklah dalam masa 30 minit seterusnya memberikan jawapan dan/atau maklum balas kepada ucapan Ketua Pembangkang tersebut secara lisan dan hanya Ketua Pembangkang boleh bangun untuk mendapatkan penjelasan (jika ada).</p> <p>(3) Setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut perenggan (2), usul menangguhkan Dewan akan dikeluarkan.</p>	
--	--	--	---	--